

# MENGENALI KAEDAH ORANG PEKAK BERKOMUNIKASI

Abdul Munir Ismail

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak,  
Malaysia  
[abdmunir@fsk.upsi.edu.my](mailto:abdmunir@fsk.upsi.edu.my)

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan tentang kaedah orang pekak berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Pada dasarnya orang pekak merupakan komuniti unik kerana mereka mempunyai kod bahasa isyarat yang tersendiri. Keunikan orang pekak, mereka dilihat seolah-olah tiada kecacatan, tetapi pada hakikatnya mengalami kecacatan tersembunyi. Bagi mendekati orang pekak, perlu difahami kaedah orang pekak berkomunikasi supaya dapat disesuaikan dengan memahami cara mereka berkomunikasi. Kajian ini menggunakan metod kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Dalam kajian lapangan digunakan kaedah temubual dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati di Malaysia terdapat beberapa kaedah orang pekak berkomunikasi. Antaranya ialah kaedah komunikasi seluruh, kaedah Bahasa Malaysia kod tangan, *American sign language*, *China sign language* dan berbagai kaedah tidak rasmi yang digunakan oleh orang pekak. Bahasa dalam komunikasi orang pekak dicipta berdasarkan latar budaya yang berbeza. Dengan itu, tidak semua orang pekak menggunakan kaedah komunikasi bahasa isyarat yang sama. penggunaan dan perkembangan bahasa untuk komunikasi oleh manusia normal, bahasa berkomunikasi bagi orang pekak juga mengalami perkembangan selaras dengan kemajuan pendidikan bahasa dan tuntutan perubahan semasa. Peringkat awal mereka menggunakan kaedah komunikasi pertuturan (*oralisme*) dan *manualisme*. Kedua-dua kaedah tersebut amat didominasi oleh orang pekak masa kini dalam perkembangan bahasa isyarat. Bahasa orang pekak mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Antaranya ialah cara orang pekak belajar bercakap dan memahami percakapan orang lain dengan melihat muka dan mulut orang bercakap itu. Kaedah ini lebih unik kerana ia menggabungkan kod bahasa isyarat dan pergerakan ejaan jari. Sebagai rumusan, walaupun terdapat pelbagai kaedah orang pekak berkomunikasi, namun Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) paling dominan di kalangan mereka. BIM dibentuk dan diubahsuai dari Bahasa Isyarat Amerika (*American Sign Language*) yang seterusnya dibukukan oleh Persekutuan Orang Pekak Malaysia tahun 2000. Kini BIM digunakan secara meluas di Malaysia.

**Keywords :** Bahasa Isyarat Malaysia Kaedah Komunikasi, Orang pekak.

## PENDAHULUAN

Golongan orang pekak pada zahirnya tidak nampak kekurangan dan masalah mereka berbanding orang buta atau cacat anggota badan lain. Mereka mempunyai masalah untuk berkomunikasi atau menerima maklumat daripada individu lain. Orang buta atau cacat

anggota, kecacatan mereka dapat dilihat walhal orang pekak dan bisu menghadapi kecacatan dalaman (*invisible handicapped*). Seorang penulis pekak terkemuka Helen Keller menulis dalam bukunya *The Story of My Life* sebagai berikut:

*The problem of deafness are deeper and more complex, if not more important than those of blindness. Deafness is a much worse misfortune. For it means the lost of most vital stimulus- the sound of voice that brings language, sets thoughts astir, and keeps us in the intellectual company of man.*

Orang pekak sukar untuk berhubung dengan masyarakat awam kerana orang normal kurang pengetahuan tentang keperluan semasa orang pekak. Ini bermaksud orang pekak bukan termasuk dalam kalangan orang bodoh tanpa ilmu pengetahuan. Orang pekak mempunyai akal dan keterampilan yang tersendiri, cuma sukar untuk mendapat maklumat kerana ketidakmampuan mereka mendengar apa-apa isu yang berlaku dipersekutaran mereka. Oleh itu maklumat yang sampai kepada orang pekak terjejas, malah ada yang tidak mendapat sebarang maklumat.

Orang pekak dan bisu dikatakan mengalami kecacatan bahasa kerana tidak dapat berbahasa lisan dengan baik tetapi tidak semua orang pekak mengalami nasib yang sama kerana terdapat di kalangan orang pekak boleh berbahasa dengan baik. Hal tersebut mungkin kerana individu itu mengalami pekak selepas boleh berbahasa (*postlingual deafness*). Terdapat juga orang pekak berjaya dipulihkan melalui pembedahan koklea (*Cochlea Implant*) atau melalui pemulihan pertuturan. Orang pekak dapat dibantu untuk memulihkan pertuturan ialah dengan cara mendapat pendidikan dan latihan dalam bidang sains pendengaran dan pertuturan. Kaedah ini dikenali sebagai patologi bahasa. Kaedah ini lazimnya mendapat kerjasama daripada ahli patologi pertuturan, ahli audiologi dan guru-guru yang mendapat latihan pendidikan khas.

Abdullah Yusof, (1995) dalam *Pelita Bahasa* menjelaskan bahawa kecacatan komunikasi, berlaku dalam beberapa situasi dimana tidak banyak orang pekak yang mengalami kecacatan komunikasi dapat dipulihkan pertuturan mencapai tahap seratus peratus, tetapi pakar-pakar tersebut mampu membantu serta memulihkan pertuturan sehampir mungkin dengan pertuturan manusia normal. Hal ini bergantung kepada keadaan kecacatan yang dialami oleh seseorang pekak seperti punca kecacatan, bila berlaku, bahagian fizikal yang terlibat, kegigihan berlatih, sikap individu dan sebagainya. Semua keadaan ini memainkan peranan untuk memulihkan mereka yang cacat berkomunikasi.

Terhadap orang pekak yang tidak dapat berbahasa lisan, mereka menggunakan bahasa isyarat sebagai alat komunikasi sama ada untuk menyampaikan fikiran, perasaan dan sebagainya. Abdullah Yusof (1995) mengatakan bahawa bahasa isyarat ialah bahasa yang tidak membabitkan sebarang bunyi suara. Bahasa isyarat merujuk kepada penggunaan pergerakan anggota badan seperti tangan, muka, badan, kepala dan kaki semasa berkomunikasi. Pergerakan anggota-anggota tersebut membawa makna tertentu semasa berkomunikasi.

## TEORI ASAS KAJIAN

Secara umum, pekak dapat dikategorikan kepada cacat pendengaran tahap ringan (*mild*) iaitu mengalami kerosakan pada tahap 20 – 40 decibel, diikuti oleh kerosakan sederhana (*moderate*) tahap 40-70 decibel, seterusnya teruk (*severe*) tahap kerosakan pada 70-95 decibel dan terakhir tahap amat teruk (*profound*) kerosakan melebihi 95 decibel ke atas. Tahap kehilangan pendengaran seseorang diukur dengan menggunakan alat khas dipanggil *audiometer*. Mohd. Shakil Razi (April, 2000) mengatakan bahawa orang pekak yang mengalami tahap pekak kurang daripada 55 *decibels* dipanggil kurang pendengaran. Ia terjadi kerana kehilangan pendengaran aliran pada mana-mana bahagian telinga luar. Bunyi yang diterima dipusatkan dan dibawa ke dalam telinga melalui saluran auditori hingga ke gegendang telinga. Terjadinya halangan disebabkan oleh berlakunya penghalang atau gangguan luar biasa terhadap getaran bunyi tidak dapat sampai ke bahagian telinga tengah dengan baik. Kehilangan pendengaran tidaklah serius dan sistem cacat pendengaran boleh diatasi dengan penggunaan alat yang dipanggil *Hearing Aid* (Alat Bantu Pendengaran). *Hearing Aid Model BTE/303* yang dipakai bersama FM System *Hearing Aid* adalah sejenis alat yang dipasang pada bahagian belakang cuping telinga. Ia mempunyai alat penguji iaitu stethoklip, penguji bateri, air puffer yang bertindak sebagai membuang air dan wap dalam tiub. Sementara berus dibekalkan untuk mencuci kotoran pada alat tersebut. Merupakan model terkini dan mempunyai keistimewaan seperti bunyi dapat dikuatkan dan mampu mengembangkan bahasa yang dihantar ke gelombang bunyi pada telinga yang mengalami tahap kerosakan teruk. Selain itu, alat FM Transmitter Receiver digunakan oleh pelajar pekak yang teruk untuk berhubung dengan guru. Penggunaan alat ini membolehkan pelajar mendengar apa yang ditutorkan oleh guru. Di samping itu, guru dapat tahu sama ada pelajar terima mesej atau tidak berpandukan isyarat lampu merah yang mengesan gelombang bunyi yang dihasilkan.

Yusri Abd. Malik (2005) mengatakan orang yang mengalami tahap pekak yang melebihi 55 hingga 150 *decibels* dipanggil pekak teruk. Dalam istilah orang Melayu disebut ‘tuli’ kerana tidak mendengar apa-apa bunyi dan suara disebabkan berlakunya kerosakan pada bahagian dalam telinga atau kecacatan pada saraf telinga. Saraf telinga tidak berfungsi sebagai penghantar mesej/maklumat kepada otak dan seterusnya tiada bertindak balas untuk memproses maklumat. Antara punca berlaku kerosakan telinga adalah melibatkan bahagian koklea dan saraf auditori tidak berfungsi dengan sempurna. Kerana itu orang yang mengalami tahap pekak melebihi 55 hingga 150 *decibels* tidak mendengar apa-apa bunyi di sekelilingnya. Sementara itu, Hamzah Osman (2002), mengatakan bahawa orang pekak berkomunikasi (*non-verbal*) menggunakan sistem khidmat ringkas (SMS) untuk penghantaran maklumat. Berkomunikasi bentuk non-verbal tidak terhad kepada satu-satu aspek sahaja.

Jika diteliti dengan lebih jauh lagi tentang perkembangan kaedah berkomunikasi orang pekak Di Malaysia, maka didapati terdapat beberapa kaedah orang pekak berkomunikasi. Antaranya ialah kaedah komunikasi seluruh, kaedah Bahasa Malaysia kod tangan, *American sign language*, *China sign language* dan berbagai kaedah tidak rasmi yang digunakan oleh orang pekak. Liew Yoon Loy mengatakan bahawa kaedah pertuturan sahaja atau dikenali kaedah oral/aural, kaedah pertuturan dengan tanda saran (*cued speech*), kaedah isyarat tabii’i (*manualisme*) dan cara-cara lain yang diterima pakai oleh orang pekak. Tan Chin Guan mengatakan bahawa perkembangan bahasa di kalangan orang pekak terbahagi kepada dua. Pertama, dikenali sebagai kaedah oralisme. Kedua, dikenali sebagai kaedah manualisme. Kedua-dua kaedah tersebut amat didominasi oleh orang pekak masa kini dalam konteks perkembangan bahasa isyarat.

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Terdapat beberapa kaedah orang pekak berkomunikasi. Antaranya ialah kaedah komunikasi menyeluruh non verval. Jika dilihat kepada pandangan yang dikemukakan oleh Hamzah Osman (2002), pengkaji mendapati ada kebenaran dengan pendapat tersebut. Hal ini terbukti orang pekak berkomunikasi (*non-verbal*) menggunakan sistem khidmat ringkas (SMS) untuk penghantaran maklumat sebagai alat komunikasi terpantas dan terkini. Di samping itu, mereka juga menggunakan facebook yang dominan masa kini. Berkomunikasi bentuk non-verbal tidak terhad kepada satu-satu aspek sahaja. Ia mencakupi media cetak dan media elektronik yang dilihat sebagai amat berpengaruh sekali di kalangan orang pekak. Antara media cetak yang berfungsi sebagai alat komunikasi yang dominan di kalangan orang pekak kini ialah buku, akhbar, majalah, surat dan sebagainya. Manakala media elektronik pula ialah televisyen, alat perakam VCD, DVD, kamera digital, *faxsilimi*, computer termasuklah internet, *slaid*, *power point* dan sebagainya. Orang pekak seing mengikuti perkembangan peralatan media elektronik, juga melalui iklan-iklan berbayar. Ini menunjukkan bahawa orang pekak berkomunikasi sesama masyarakat pekak menggunakan bahasa non verval.

Sementara itu, jika dirujuk kepada tulisan oleh Teh Kean Hoe (2006) menjelaskan kaedah komunikasi yang digunakan oleh orang pekak di Malaysia adalah diambil dari pelbagai bahasa isyarat antarabangsa seperti bahasa Isyarat Amerika, Isyarat China, Isyarat India dan Isyarat Malaysia. Namun begitu, penggunaan bahasa isyarat antarabangsa yang pelbagai di kalangan orang pekak, boleh menimbulkan beberapa kekeliruan di kalangan mereka. Hal ini boleh menjadikan komunikasi berkesan.

Di samping itu, penggunaan bahasa dalam komunikasi orang pekak dicipta berdasarkan penggunaan dan latar budaya yang berbeza. Latar budaya yang berbeza adalah merujuk kepada adat setempat, tahap pendidikan, taraf ekonomi, kemudahan infrastruktur setempat, kemudahan alat komunikasi semasa, kemampuan berkomunikasi dua hala dan minat berinteraksi dengan orang lain. Dengan itu, tidak semua orang pekak menggunakan kaedah komunikasi bahasa isyarat yang sama. Seperti mana penggunaan dan perkembangan bahasa untuk komunikasi oleh manusia normal, bahasa berkomunikasi bagi orang pekak juga mengalami perkembangan selaras dengan kemajuan pendidikan bahasa dan tuntutan perubahan semasa. Peringkat awal mereka menggunakan kaedah komunikasi pertuturan (*oralisme*) dan *manualisme*.

Kaedah berkomunikasi orang pekak selanjutnya ialah melalui kaedah menggabungkan kod bahasa isyarat dan pergerakan ejaan jari. Kaedah ini dilihat lebih unik kerana melibatkan pergerakan ejaan jari selaras dengan kod bahasa isyarat. Sebagai contoh, cara orang pekak belajar bercakap dan memahami percakapan orang lain dengan melihat muka dan mulut orang yang bercakap itu. Jika kaedah ini digunakan oleh orang normal ketika berkomunikasi dengan orang pekak, maka tidak boleh bercakap terlalu cepat kerana orang pekak akan melihat memek muka dan pergerakan bibir mulut.

Perlu dijelaskan bahawa Bahasa isyarat membawa maksud penggunaan isyarat yang memberi erti tertentu. Oleh kerana penggunaan kod bahasa isyarat tersebut kini sudah meluas di kalangan orang pekak, maka sewajarnya kod bahasa isyarat yang pelbagai tersebut dibukukan supaya dapat dipelajari oleh semua orang. Manakala kod ejaan jari pula bermakna pergerakkan jari mengikut kedudukan yang berbeza untuk menandakan 26 huruf abjad rumi yang berkenaan.

Ong, Yoke Teng (2004), melihat pentingnya penyeragaman kaedah komunikasi orang pekak dan berhasrat untuk menjadikan bahasa isyarat sebagai bahasa peringkat nasional,

maka Jabatan Pendidikan Khas telah mengambil langkah pro aktif dengan memperkenalkan kaedah Bahasa Malaysia Kod Tangan. Kaedah ini diperkenalkan oleh Prof. Asiah Omar, Tan Yap dan Tan Chin Guan untuk pembelajaran kanak-kanak pekak di negeri Perak sebagai langkah percubaan. Kaedah tersebut disusun menurut asas-asas tata bahasa dan prinsip Bahasa Malaysia sebagaimana yang didengar, ditutur, ditulis, dibaca dan difahami oleh pengguna Bahasa Malaysia. (Ong, Yoke Teng, 2004).

Walaupun terdapat pelbagai bentuk dan kaedah untuk berkomunikasi, namun Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) paling dominan di kalangan mereka. Bahasa Isyarat Malaysia dibentuk dan diubahsuai dari Bahasa Isyarat Amerika (*American Sign Language*) yang dibawa masuk oleh Tan Yap (1960-an) dan Prof. Francesca Parson (1970-an). Mereka bertanggungjawab memperkenalkan bahasa isyarat Amerika di Malaysia. Seterusnya dibukukan oleh Persekutuan Orang Pekak Malaysia tahun 2000.

Selaras dengan pandangan oleh Khadijah Rohani Mohd. Yunus (1991), mengatakan bahawa kaedah menggabungkan kod bahasa isyarat dan pergerakan ejaan jari lebih ditekankan kepada penggunaan alat pancaindera penutur seperti pendengaran, pertuturan, membaca gerak bibir serta menyebutnya di samping menulis perkataan yang diucapkan oleh orang lain secara jelas dan teratur.

Noriza Mohd. Noor (2005) menegaskan bahawa bahawa perkembangan bahasa orang pekak mengalami perubahan dari masa ke semasa. Antaranya ialah cara orang pekak belajar bercakap dan memahami percakapan orang lain dengan melihat muka dan mulut orang yang bercakap itu. Kaedah ini lebih unik kerana ia menggabungkan kod bahasa isyarat dan pergerakan ejaan jari. Tahun 1960-an kaedah komunikasi seluruh diperkenalkan. Kaedah menggabungkan kod bahasa isyarat dan pergerakan ejaan jari dibawa masuk ke Malaysia oleh Prof. Parson bagi menggantikan kaedah oralisme. Kaedah ini dilihat cuba menggabungkan semua ciri-ciri baik yang terdapat pada komunikasi bentuk lain supaya lebih kepelbagaian bentuk komunikasi orang pekak. Dengan itu, kini orang pekak mempunyai kaedah alternatif untuk berkomunikasi dengan orang awam atau sebaliknya. Sebagai contoh, pengajaran menggunakan kaedah pertuturan bacaan bibir, bahasa dan ejaan kod tangan.

Bahasa Malaysia Kod Tangan merupakan gabungan isyarat dan lambang-lambang yang tidak memerlukan gambaran fizikal bagi mendapatkan makna. Bahasa isyarat digunakan secara meluas di sekolah-sekolah, penterjemahan acara rasmi kerajaan, siaran berita perdana TV1 dan sebagainya. Kementerian Pelajaran Malaysia dalam sebuah buku bertajuk *Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan*, dilihat dari semasa ke semasa sentiasa mengemaskini dengan menambahbaikan beberapa istilah baharu Bahasa Malaysia Kod Tangan ke dalam kamus bahasa Isyarat. Ia bertujuan bagi memperkenalkan kaedah pendekatan Bahasa Malaysia Kod Tangan pertama di dunia dan sebagai kaedah pengajaran bahasa kepada pelajar pekak.(Asmah Hj. Omar, 1991). Kaedah ini merupakan gabungan dua kaedah iaitu menggunakan kod isyarat dan ejaan jari sambil bertutor yang dikenali sebagai bahasa isyarat. Tujuannya ialah supaya orang pekak dapat menggunakan kuasa pendengaran mereka yang maksimal untuk berkomunikasi.

Kajian oleh Abdullah Yusuf (1996) mendapati Bahasa Isyarat membabitkan keseluruhan pergerakan anggota tubuh badan manusia seperti tangan, kaki, badan, mulut, mimik muka, emosi dan sebagainya. Kaedah komunikasi bahasa isyarat dipercayai antara kaedah tertua yang digunakan oleh orang pekak ketika berinteraksi dengan komuniti mereka. Bahasa isyarat juga mempunyai nilai-nilai tersendiri dari aspek linguistik kerana ianya bersifat natural atau bersahaja. Mengetahui betapa pentingnya hal tersebut, bahasa isyarat perlu diberi perhatian khusus terutama pada peringkat kosa kata, morfologi atau

sintaksis. Morfologi bermaksud kajian tentang pembentukan kata dalam sesuatu bahasa, termasuk infleksi, terbitan dan kata majmuk.

Jika dilihat pada Buletin KLSD, bertarikh 30 Jun 2005 bertajuk *Komunikasi Tanpa Halangan*, dijelaskan bahawa Bahasa isyarat bukanlah bahasa pasar sepertimana salah tanggapan terhadap orang pekak kerana ia tidak mempunyai struktur bahasa yang teratur, tetapi ianya lebih bersifat bahasa isyarat antarabangsa. Bahasa Isyarat kini mulai boleh diterima pakai di peringkat masyarakat global. Bahasa isyarat mempunyai hubungan yang sangat erat dengan unsur persekitaran setempat. Jika persekitaran itu memberangsangkan orang pekak, bahasa isyarat yang digunakan juga mudah menerima perubahan positif serta mampu berkomunikasi dengan mudah. Orang pekak mampu berfikir, namun tidak dapat melahirkan lambang yang bersifat animasi. Lambang-lambang konkrit lebih mudah ditunjukkan melalui bahasa isyarat. Oleh itu, kod bahasa isyarat sangat rapat dengan objek, perihal dan sebagainya bertindak sebagai bahan yang dirujuk.

Tan Chin Guan (1981), dalam bukunya bertajuk *Perspektif Sejarah Ringkas Aliran Metodologi Dalam Pendidikan Bahasa Terhadap Orang Pekak*, mengatakan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa isyarat di kalangan orang pekak. Faktor tersebut termasuklah berlainan suku, budaya, agama, geografi, negeri dan persekitaran setempat. Lazimnya penggunaan kod isyarat yang berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain menyebabkan ianya menjadi masalah kepada orang pekak ketika mentafsirkan maksud isyarat tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa penggunaan bahasa isyarat Malaysia dewasa ini adalah merupakan satu bahasa ibunda bagi orang pekak. Ianya diperkuuhkan lagi jika ibu bapa atau salah seorang daripada orang pekak berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat. Bahasa isyarat bukanlah bahasa rojak, tetapi merupakan salah satu bahasa isyarat yang diterima disemua peringkat. Namun demikian, kebanyakan orang pekak berpendidikan mempelajari dan mempraktikkan bahasa isyarat sebagai bahasa komunikasi utama dalam kehidupan harian mereka. Di samping kaedah komunikasi Bahasa Malaysia Kod Tangan juga digunakan semasa aktiviti pembelajaran di sekolah harian.

Timbul persoalan bagaimana berkomunikasi dengan orang pekak. Orang pekak yang mengalami tahap pendengaran kurang daripada 55 decibels mampu mendengar dengan menggunakan alat bantu dengar. Meskipun menggunakan alat bantu, namun kesempurnaan pendengaran tidaklah sama seperti orang normal. Mereka juga mampu bertutur jika dilatih dengan kaedah pertuturan mulut dan bahasa Isyarat (*cued speech*).

Berdasarkan temubual pengkaji dengan Presiden Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur pada 25 Jun 2009 di pejabatnya menjelaskan bahawa lazimnya orang normal menggunakan bahasa isyarat dan disertai dengan tutur kata ketika berkomunikasi dengan orang pekak. Sekiranya mereka tidak mampu berkomunikasi dengan Bahasa Isyarat, maka seorang juru bahasa (*interpreter*) diperlukan sebagai penterjemah dari bahasa lisan ke bahasa isyarat atau sebaliknya.

Menurut Marschark (2005) menjelaskan bahawa juru bahasa isyarat ialah orang normal yang terlatih, menguasai bahasa isyarat, memahami budaya orang pekak, beretika, professional dan berkecuali. Juru bahasa isyarat lazimnya diiktiraf oleh persatuan orang pekak mengikut gred dan bidang kemahiran tertentu. Selanjutnya cara berkomunikasi efektif terhadap pekak teruk ialah melalui kaedah bahasa isyarat. Bahasa isyarat merupakan asas komunikasi penting bagi tahap pekak teruk. Melalui bahasa isyarat, mesej dapat disampaikan tanpa halangan. Bahasa isyarat juga merupakan sebagai perantaraan orang normal dan orang pekak.

Langkah berikutnya ialah menggunakan khidmat juru bahasa isyarat seperti golongan pertama tadi. Orang pekak memerlukan khidmat juru bahasa isyarat untuk melicinkan komunikasi bagi urusan rasmi di pejabat kerajaan atau swasta, perubatan, seperti hospital atau klinik. Dalam aspek keagamaan seperti kelas fardu ain, kursus perkahwinan dan sebagainya. Bidang pendidikan dan urusan peribadi seperti sesi kaunseling.

## KESIMPULAN

Pekak merupakan suatu kecacatan yang tidak dapat dilihat. Pekak terbahagi kepada dua bahagian iaitu orang yang mengalami kecacatan kurang pendengaran dan pekak teruk. Ada dua cara berkomunikasi dengan kedua-dua kategori orang pekak. Pertamanya menggunakan simbol isyarat atau kod bahasa isyarat. Orang normal yang tidak menguasai bahasa isyarat hendaklah menggunakan khidmat juru bahasa isyarat. Kaedah kedua ialah menggunakan media cetak dan media elektronik. Dalam keadaan tertentu kedua-dua media berkenaan cukup berkesan untuk berkomunikasi dengan orang pekak. Bahasa dalam komunikasi orang pekak dicipta berdasarkan latar budaya yang berbeza. Dengan itu, tidak semua orang pekak menggunakan kaedah komunikasi bahasa isyarat yang sama. penggunaan dan perkembangan bahasa untuk komunikasi oleh manusia normal, bahasa berkomunikasi bagi orang pekak juga mengalami perkembangan selaras dengan kemajuan pendidikan bahasa dan tuntutan perubahan semasa. Peringkat awal mereka menggunakan kaedah komunikasi pertuturan (*oralisme*) dan *manualisme*.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusof. (1995), Fikiran, persekitaran dan pembentukan isyarat orang pekak, *Jurnal Dewan Bahasa*, jld.39, bil. 7.
- Abdullah Yusoff. (1996). *Pembentukan Bahasa Isyarat Di Kalangan Pelajar Pekak*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Asmah Hj. Omar. (1991), *Bahasa Dan Pemikiran Orang Pekak*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Jil. 25.
- Buletin KLSD, 30 Jun 2005 bertajuk *Komunikasi Tanpa Halangan*, terbitan Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur.
- Hamzah Osman (2002), *Penggunaan Alat Bantu Dengar Dalam Mempertingkatkan Pertuturan Bahasa Kanak-Kanak Bermasalah Pendengaran*, Kuala Lumpur, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus (1991), "Pendidikan dan Kaedah Komunikasi Murid-Murid Cacat Pendengaran di Malaysia" (Kertas seminar Ilmiah yang dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Menilai Pencapaian Penyelidikan IRPA dalam Rancangan Malaysia Kelima pada 25-26 Nov. 1991: Sintok, Kedah Darulaman, Vol. 3, paper 36).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod*

*Tangan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Jil. 1.*

Liew Yoon Loy. (1991). *Masalah Pengajaran Bahasa Dan Komunikasi kepada Kanak-kanak Pekak*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Jil. 25, Bil. 8.

Mat Daud Yusoff. (1990). *Bagaimana Kanak-Kanak Cacat Pendengaran Menguasai Bahasa*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Jilid 34, Bil. 9.

Marschark, Marc (2005), *Sign Language Interpreting and Interpreter Education : Direction for Research and Practice*, New York : Oxford University Press

Mohd. Shakil Razi (2000, April) *Kertas Persidangan Seminar*, sempena Simposium Kebangsaan Sains Kesihatan, Kuala Lumpur, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noriza Mohd. Noor. (2005). "Latihan Tegas Diri Untuk Meningkatkan Komunikasi Berkesan Pelajar Pekak" (Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan ke -xii, 6 – 9 Disember 2005 : Tempat, Kuantan Pahang, Anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan)

Ong, Yoke Teng. (2004). *Program Intervensi Dalam Peningkatan Kemahiran Pendengaran dan Pertuturan Pelajar Pekak*, Kuala Lumpur, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Rosenberg, Martin. E (1992), *Sound and Hearing*, London : Edward Arnold.

Tan Chin Guan. (1981), *Perspektif Sejarah Ringkas Aliran Metodologi Dalam Pendidikan Bahasa Terhadap Orang Pekak*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, Jil. 18.

Teh, Kean Hoe. (2006). "Bahasa isyarat kod tangan bahasa Melayu dan pembelajaran bahasa dalam kalangan orang pekak" (Seminar Kebangsaan Bahasa Verbal dan Bukan Verbal dari Perspektif Bahasa, pada 19 – 21 Disember 2006 : Pulau Pinang)

Yusri Abd. Malik (2005), *Cacat Pendengaran*, Petaling Jaya, Penerbit Setiamas.